

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]

TARIKH : 8 JUN 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian memantau dan menyelia serta mengawal bantuan dan sumbangan yang diterima daripada pihak-pihak yang menyumbang kepada rumah-rumah kebajikan supaya tiada pihak yang boleh mengambil kesempatan di samping dapat meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap organisasi ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan memandang tinggi terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) bagi meningkatkan kualiti hidup kumpulan sasar Kementerian seperti kanak-kanak, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan keluarga dengan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti pusat jagaan berkediaman atau harian.

Sebagai sokongan kepada usaha untuk melengkapkan dan memperluaskan perkhidmatan kebajikan dan kemudahan kepada golongan masyarakat yang memerlukan, Kerajaan melalui KPWKM telah menyediakan geran kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) bagi menampung sebahagian kos operasi PSK untuk memastikan program dan aktiviti yang dijalankan oleh PSK mencapai matlamatnya.

PSK juga adalah digalakkan untuk berusaha dan bekerjasama dengan mana-mana pihak atau syarikat korporat yang boleh membantu

mereka dari pelbagai aspek termasuk kewangan, peralatan dan sebagainya.

Bantuan dan sumbangan yang diterima oleh PSK daripada pihak kerajaan atau pihak lain akan dipantau dan diselia oleh JKM dengan tindakan seperti berikut:

1. PSK perlu menyediakan dan menghantar laporan sumbangan yang diterima kepada JKM setiap bulan untuk tujuan rekod.
2. JKM menjalankan pemantauan secara berkala iaitu dengan membuat lawatan sebanyak dua kali setahun bagi setiap PSK yang menerima geran selaras dengan Garis Panduan Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan.
3. Setiap PSK yang membuat permohonan mendapatkan geran perlu menyertakan sesalinan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun sebelumnya yang diaudit oleh Juruaudit bertauliah.
4. Setiap PSK yang diluluskan geran oleh JKM perlu menandatangani Perjanjian Peruntukan Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada PSK sebelum geran berkenaan diserahkan kepada PSK berkenaan. Perjanjian berkenaan bertujuan memastikan agar PSK menggunakan peruntukan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh JKM.